

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 12 MAC 2015 (KHAMIS)

DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan keberkesanan Kempen Pemerkasaan Pendidikan Pengguna yang dilancarkan oleh Kementerian di awal tahun 2014 dalam usaha menangani peningkatan kos sara hidup rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

KPDNKK telah diperuntukkan sebanyak RM3.57 juta di bawah Program Pemerkasaan Pendidikan Kepenggunaan bagi Pelan Jangka Pendek (Februari – April) yang merangkumi Program Pemerkasaan Pendidikan Kepenggunaan dengan kerjasama NGO kepenggunaan di seluruh negara. Medium yang digunakan termasuklah siri ceramah, pameran, penerbitan artikel mengenai menangani kenaikan kos sara hidup melalui media cetak, elektronik dan media baru.

Sebanyak dua puluh (20) NGO telah bekerjasama di dalam pelaksanaan program ini dan telah dibahagikan mengikut fokus dan sasaran peserta seperti luar bandar, bandar, generasi muda termasuk pelajar institusi pengajian tinggi dan sekolah serta wanita. Hasil pelaksanaan sepanjang bulan Februari hingga April, sebanyak 347 program / seminar / roadshow / bengkel kepenggunaan telah dilaksanakan di seluruh negara. Seramai 99,734 peserta dari seluruh negara telah berjaya mengikuti program-program yang telah dilaksanakan oleh semua NGO yang terlibat.

Selain dari siri ceramah, sebanyak lapan puluh satu (81) artikel berkaitan menangani kos sara hidup telah disiarkan di akhbar tempatan, tujuh puluh (70) hebahan berkaitan menangani kos sara hidup menggunakan media baru di samping pembikinan empat belas (14) siri drama pendek yang membawa isu kepenggunaan semasa.

Salah satu aspek keberkesanan yang boleh dilihat adalah melalui peningkatan **jumlah aduan yang diterima oleh Kementerian** hasil dari program-program pemerkasaan yang telah dilaksanakan. Untuk

makluman, jumlah aduan keseluruhan yang diterima dalam tahun 2014 adalah sebanyak 14,089 aduan dengan purata 1,174 aduan sebulan. Jumlah ini merupakan yang **tertinggi sejak tahun 2008, iaitu peningkatan 19% atau 2,238 aduan berbanding tahun 2013** iaitu sebanyak 11,851 aduan. Aduan yang paling banyak diterima meliputi penipuan perkhidmatan, penipuan harga, penipuan transaksi internet, jualan bahan petroleum serta tiada tanda harga.

Trend peningkatan jumlah aduan dari tahun 2013 ke tahun 2014 menunjukkan pengguna di negara ini semakin peka dan lebih sedar tentang peranan mereka di dalam pemerkasaan gerakan kepenggunaan di Malaysia. Mereka juga tahu untuk menyalurkan maklumat atau aduan ke pihak berwajib dan bukan sekadar menjadi mangsa penipuan.

Senario ini memberi gambaran jelas tentang peranan dan hasil dari program-program yang telah dilaksanakan di bawah kempen tersebut di seluruh negara dengan kerjasama NGO kepenggunaan serta agensi Kerajaan yang lain. Hebahan maklumat dan isu kepenggunaan semasa akan sentiasa diperhebatkan oleh Kementerian dalam usaha memastikan pemerkasaan gerakan kepenggunaan di negara ini lebih cemerlang.